



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
CAWANGAN HASIL, BAHAGIAN KEWANGAN,
TINGKAT 10, BANGUNAN PERKIM
JALAN IPOH,
50590 KUALA LUMPUR

Tel : 603-4421211
Faks : 603-4441325

Ruj Kami : Bil (29) dlm. KKM/203/03 Bhg. 3
Tarikh : 04 Jun 1999

Pengarah Kesihatan Negeri
Negeri Pulau Pinang

Tuan,

**Penyediaan Laporan Bulanan Kutipan
Hasil Bagi Pejabat Kesihatan / Pergigian Daerah**

Adalah saya diarah menarik perhatian tuan mengenai perkara di atas.

2. Sayugia dimaklumkan bagi tujuan memperkemas lagi pemantauan kedudukan kutipan hasil di Pejabat Kesihatan / Pergigian Daerah, Kementerian telah mengambil keputusan supaya semua Pejabat Kesihatan / Pergigian Daerah mengemukakan laporan kutipan hasil ke Cawangan Hasil, Bahagian Kewangan, Kementerian Kesihatan pada setiap bulan dengan salinannya ke pejabat Pengarah Kesihatan Negeri masing-masing. Laporan tersebut hendaklah sampai ke Kementerian ini sebelum **14hb bulan** berikutnya dan berkuatkuasa mulai bulan **Jun 1999**.
3. Sila ambil maklum bahawa laporan bulanan hendaklah disediakan mengikut garis panduan dan format laporan seperti di lampiran 'A' yang dikemukakan bersama-sama ini. Semua Pengarah Kesihatan Negeri adalah diminta untuk memberi perhatian kepada ini dan memastikan semua Pejabat Kesihatan / Pergigian Daerah mengemukakan laporan tersebut mengikut tarikh yang ditetapkan.
4. Dengan arahan ini surat pekeliling Kementerian bil. (54) dlm. KKM 58/773/2 bertarikh 01 Mei 1989 mengenai penyediaan Penyata Bulanan Pesakit Luar Pesakit Dalam dan Kutipan Hasil adalah dibatalkan.
5. Dalam hubungan ini sila kemukakan ke Kementerian ini senarai nama Pejabat Kesihatan / Pergigian Daerah di bawah jabatan tuan supaya laporan yang mereka akan hantar nanti dapat direkodkan mengikut pejabat masing-masing. Sekiranya pihak tuan mengalami masalah dalam penyediaan laporan ini sila hubungi Kementerian di talian 03-4421211 sambungan 220.

Rujukan (29) dlm. KKM 203/03 Bhg. 3

**GARIS PANDUAN PENYEDIAAN LAPORAN BULANAN KUTIPAN HASIL
BAGI PEJABAT KESIHATAN / PERGIGIAN DAERAH**

- (I). Laporan Bulanan Kutipan Hasil Bagi Pejabat Kesihatan / Pergigian perlu disediakan mengikut tiga kategori pesakit seperti berikut:-
- A. **Kakitangan Kerajaan** termasuk anggota perkhidmatan Persekutuan dan Negeri, anggota badan-badan berkanun dari kuasa tempatan, pesara dan ahli-ahli keluarga yang layak. Mereka yang datang tanpa surat jaminan Jabatan (GL) akan direkodkan ruangan membayar.
 - B. **Orang Awam** ialah pesakit-pesakit yang tertakluk kepada bayaran penuh seperti yang ditetapkan dalam peraturan caj.
 - C. **Warganegara Asing** ialah pesakit-pesakit yang ingin mendapatkan rawatan sebagai pesakit luar sahaja dan caj perlu digandakan dengan caj pesakit tempatan. Warganegara asing yang ingin membuat pemeriksaan perubatan hendaklah dinasihatkan untuk berbuat demikian di klinik-klinik swasta yang dilantik sebagai agensi FOMEMA.
- (II). **Pesakit Luar** meliputi pesakit-pesakit yang mendapatkan rawatan di Klinik dan tidak perlu dimasukkan ke wad.
- (III). **Pemeriksaan Perubatan** ialah mereka yang membuat pemeriksaan perubatan bagi pelbagai tujuan termasuk lantikan ke jawatan kerajaan, kemasukan ke sekolah berasrama penuh, institusi pengajian tinggi dan sebagainya.
- (IV). **Lain-lain kutipan** termasuk kutipan bayaran kompaun merokok, kawalan nyamuk aedes, penggunaan ambulan, laporan perubatan dan sebagainya.
- (V). Ruang '**Amaun Pengecualian**' hendaklah menunjukkan amaun pengecualian yang diluluskan bagi pesakit miskin / kurang mampu sahaja bagi bulan yang dilaporkan.